

23 DEC 1999

Mahathir-tol

TERENGGANU BOLEH MEMBANTU KURANGKAN TOL, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 23 Dis (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan Terengganu mempunyai beberapa cara untuk membantu mengurangkan tol di Lebuhraya Pantai Timur yang dicadangkan di negeri itu.

Perdana Menteri berkata oleh kerana jalan yang akan dibina di Terengganu itu jalan baru, kerajaan negeri boleh menyediakan subsidi untuk pembinaannya, jika ia mahukan tol di situ rendah.

Ini boleh dilaksanakan umpamanya dengan kerajaan negeri membeli tanah dan memberinya kepada syarikat konsesi secara percuma ataupun ia membiayai sebahagian daripada tol, katanya kepada pemberita selepas melancarkan syiling emas peringatan alaf baru oleh Bank Negara di sini.

"Dengan itu maka rakyat tidak akan dibebankan dengan tol yang tinggi, kalau tidak, kita tak dapat bina," katanya.

Keraguan mengenai pembinaan lebuhraya itu di bahagian Terengganu bermula setelah kerajaan negeri pimpinan PAS menghapuskan kutipan di Jambatan Sultan Mahmud di Kuala Terengganu sebaik saja ia berkuasa, sebagai memenuhi janjinya pada pilihan raya umum lepas.

Tindakan itu menyebabkan kerajaan pusat menimbang semula pembinaan lebuhraya itu di bahagian Terengganu kerana bimbang tol tidak dapat dikutip dilebuhraya itu.

Bagaimanapun, presiden PAS Datuk Fadzil Noor semalam berkata beliau menerima penjelasan kerajaan pusat bahawa pembinaan lebuhraya itu perlu dikenakan tol kerana ia dibuat secara penswastaan.

Dr Mahathir berkata kerajaan Terengganu juga mempunyai hak untuk membina lebuhraya itu sendiri dan mengutip tol jika ia mampu.

"Kalau kerajaan Terengganu mempunyai wang yang cukup dan ingin membina dan mengutip tol juga, itu adalah hak mereka," katanya.

Perdana Menteri berkata kerajaan pusat akan meneruskan projek itu dengan syarat kutipan tol dibenarkan.

Jalan ini tidak mempunyai trafik sebanyak yang terdapat di jalan-jalan di Pantai Barat, katanya.

Dr Mahathir berkata jika tol tidak dikutip, maka sukar bagi pengusaha mendapat balik pembiayaan mereka.

"Satu daripada cara untuk mengurangkan tol ialah dengan kerajaan memberi subsidi...sebenarnya semua tol di semua expressway menerima subsidi daripada kerajaan dalam pelbagai bentuk," katanya.

Perdana Menteri berkata jika tidak ada subsidi daripada kerajaan pusat, kadar tol akan menjadi tinggi seperti yang terdapat di negara-negara lain.

"Sebenarnya tol di Malaysia adalah yang rendah sekali dibanding dengan semua negara lain. Ini kerana kerajaan memberi subsidi iaitu dengan menyerahkan tanah, (malahan) kadang-kadang jalan yang sudah siap, kepada syarikat supaya kos mereka dapat diturunkan," katanya.

Mengenai usaha kerajaan Terengganu menarik lebih banyak pelaburan asing, Dr Mahathir berkata kerajaan pusat sentiasa menggalakkan pelaburan di negeri itu.

Katanya kerajaan pusat pun telah melabur di negeri itu.

"Contohnya, Petronas dan rakan kongsinya telah melabur RM60 bilion.

"Hampir semua projek petrokimia terdapat di Terengganu di samping industri lain seperti Perwaja," katanya.

-- BERNAMA

gm mai